

UMNO tidak terlibat pilihan raya Sarawak

UMNO 4 SEP 2001

KUALA LUMPUR 3 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan pendirian UMNO bahawa parti itu tidak sama sekali terlibat dalam pilihan raya negeri Sarawak yang akan diadakan dalam masa terdekat.

Pada masa yang sama, kata Perdana Menteri, UMNO juga tidak akan menyokong mana-mana pihak yang mendakwa mereka mewakili parti itu ataupun mendapat sokongan UMNO.

“Saya nak putuskan di sini terang-terang, UMNO tidak terlibat dengan pilihan raya di Sarawak. Kita tak sokong mana-mana pihak yang dakwa mereka parti UMNO ataupun di sokong oleh UMNO,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini, hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) menegaskan, kalau pun terlibat pada pilihan raya itu nanti hanyalah daripada BN, dan bukan sekali-kali UMNO.

Ditadya apakah tindakan parti terhadap ahlinya yang cuba bertanding atas tiket UMNO pada pilihan raya itu nanti, beliau berkata: “Kalau dia tanding dia bukan ahli UMNO”

UMNO, menurut Perdana Menteri, tidak akan mengakui mana-mana pihak sebagai ahli parti itu sekalipun ada orang-orang tertentu berbuat demikian pada pilihan raya nanti.

Muktamad

“Kalau dia tanding juga, dia bukan ahli UMNO, kita tak akan terima dia sebagai ahli UMNO, kita akan bagi tahu SPR yang dia bukan ahli UMNO,” katanya.

Mengenai calon-calon BN negeri, Perdana Menteri berkata, keputusan muktamad nama calon-calon yang bertanding akan ditentukan oleh beliau.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud selaku Pengerusi BN negeri dilaporkan menemui Dr. Mahathir minggu lalu untuk mendapatkan persetujuan senarai calon BN.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengumumkan tarikh pilihan raya negeri tidak berapa hari lagi selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan, hari ini.

Pegawai Pilihan Raya Negeri, Wan Alwi Wan Hashim berkata, pihaknya akan mengadakan mesyuarat penetapan tarikh penamaan calon, dan hari mengundi, seminggu selepas menerima surat rasmi pembubaran DUN.

Sebanyak 62 kerusi akan dipertandingkan pada pilihan raya kali ini.

Pada pilihan raya negeri lalu, BN Sarawak memperoleh kemenangan di 58 kerusi termasuk 19 kerusi tanpa bertanding.